

## **SKEMA JAWAPAN BM KERTAS 2 (1103/2)**

### **SOALAN 1 : Rumusan (30 markah)**

<b>Pendahuluan / Pengenalan [ 2 markah ]</b>	<b>Markah</b>
Petikan membincangkan usaha-usaha / langkah-langkah / strategi / inisiatif / kaedah kerajaan meringankan beban rakyat dalam menangani kegawatan ekonomi di negara ini / Malaysia.	2m
Petikan membincangkan usaha-usaha / langkah-langkah / strategi / inisiatif / kaedah kerajaan meringankan beban rakyat dalam menangani kegawatan ekonomi dan cara-cara peruntukan tambahan dibelanjakan oleh kerajaan.	2m
Rumusan ini membincangkan usaha-usaha / langkah-langkah / strategi / inisiatif / kaedah kerajaan meringankan beban rakyat dalam menangani kegawatan ekonomi dan kesan-kesan pemulihan ekonomi kepada rakyat.	2m
Rumusan ini membincangkan usaha-usaha / langkah-langkah / strategi / inisiatif / kaedah kerajaan meringankan beban rakyat dalam menangani kegawatan ekonomi.	1m
Petikan membincangkan usaha-usaha / langkah-langkah / strategi / inisiatif / kaedah kerajaan meringankan beban rakyat dalam menangani kegawatan ekonomi.	1m
<b>Isi Tersurat (4 hingga 12 markah)</b>	<b>Markah</b>
<b>Langkah-langkah kerajaan meringankan beban rakyat</b>	
S1 Kerajaan melaksanakan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat	2m
S2 Kerajaan memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi pertama	2m
S3 Pembeli diberikan pelepasan cukai atas faedah pinjaman	2m
S4 Kerajaan menambah baik infrastruktur awam	2m
S5 Kerajaan menerbitkan Bon Simpanan Kerajaan untuk menjana pendapatan rakyat	2m
S6 Kerajaan menaik taraf pelbagai keperluan asas di luar bandar	2m
S7 Pelbagai program dan projek dirancang oleh kerajaan untuk meningkatkan ekonomi rakyat di Sabah dan Sarawak	2m
S8 Pelbagai pihak menyediakan program mikrokredit tanpa cagaran	2m
S9 Kerajaan memberikan bantuan kepada golongan kurang bernasib baik	2m
S10 Kerajaan mengecualikan cukai atas bayaran pampasan kehilangan pekerjaan	2m
S11 Kerajaan menggalakkan pihak bank menangguhkan bayaran balik pinjaman perumahan	2m
	2m

Isi Tersirat ( 4 hingga 12 markah)	Markah
<b>Kesan pemulihan ekonomi kepad rakyat</b>	
T1 Ekonomi rakyat akan lebih stabil / kehidupan rakyat lebih selesa	2m
T2 Membuka peluang pekerjaan kepada rakyat / mengurangkan pengangguran	2m
T3 Mengelakkan rakyat meminjam wang secara haram / melabur skim cepat kaya	2m
T4 Mengurangkan tekanan / stres rakyat	2m
T5 Mengelakkan rakyat memprotes / mengadakan demonstrasi terhadap kenaikan harga barang	2m
T6 Kuasa beli rakyat terjamin / mampu berbelanja	2m
T7 Mengelakkan rakyat daripada terjebak dalam kes jenayah	2m

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

### **Kesimpulan (2 Markah )**

Kesimpulannya, semua pihak hendaklah bekerjasama menangani krisis ekonomi negara agar rakyat dapat hidup aman dan tenteram 2m

## Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : 9 markah

**Soalan 2(b) : 9 markah**

**Soalan 2(c) : 8 markah**

**Soalan 2(d) : 9 markah**

*Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan (2d)*

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
  2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
  3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

## Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	<b>2</b>
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	<b>1</b>
- Jawapan tidak tepat/ salah	<b>0</b>

2. Soalan 3 markah:

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	<b>3</b>
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	<b>2</b>
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	<b>1</b>
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	<b>0</b>

3. Soalan 4 markah

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	<b>4</b>
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	<b>3</b>
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	<b>2</b>
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	<b>1</b>
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	<b>0</b>

**Soalan 2(a) - Pemahaman Umum**

[i] Maksud rangkai kata *membasmi kemiskinan tegar*:

- menghapuskan / membanteras/ memerangi/ mengatasi kedaifan / kemelaratan/ ketidakupayaan ekonomi yang melampau

[2 markah]

[ii] Cara peruntukan tambahan dibelanjakan:

- menambah baik infrastruktur yang rosak
- menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian
- menyelenggara dan mambaik pulih pelbagai kemudahan / prasarana awam

[2 isi cukup]

[Maksimum :3 markah]

[iii] Cara rakyat menangani krisis ekonomi negara:

- berjimat-cermat dalam perbelanjaan
- memberikan sokongan kepada kempen penjimatan ekonomi
- bekerja sambilan / berniaga
- bercucuk tanam / melibatkan diri dalam bidang pertanian
- melancong dalam negara
- membeli barang buatan tempatan
- menggunakan pengangkutan awam

[3 isi cukup]

[Maksimum: 4 markah]

### **Soalan 2(b) – Petikan Cerpen**

- (i) Sebab-sebab Bahar dikatakan anak yang bertuah:
- Bahar tidak akan mengikut jejak langkah ayahnya
  - Bahar tidak akan menjadi kelasi seperti ayahnya

[Isi cukup : 2]

[Maksimum :2 markah ]

- (ii) Persediaan-persediaan yang perlu dilakukan untuk belayar di laut:
- memastikan kapal yang digunakan selamat
  - memastikan keadaan cuaca baik
  - menyediakan peralatan seperti kompas, pelampung keselamatan
  - menyediakan makanan yang mencukupi
  - menyediakan ubat-ubatan yang mencukupi

[Isi cukup : 2]

[Maksimum:3 markah ]

**(Jawapan lain yang sesuai juga diterima)**

- (iii) Nilai kemanusiaan

**Dalam petikan cerpen:**

- i. Nilai kebijaksanaan

Contoh : Bahar merupakan seorang anak yang bijak dan petah berkata-kata.

[1+1]

- ii. Nilai kasih sayang

Contoh: Masnah sayang akan anak-anaknya dan tidak mahu berpisah dengan mereka.

[1+1]

- iii. Nilai baik hati

Contoh: Kapten Mamat seorang yang baik hati dan mempelawa Masnah naik ke rumahnya.

[1+1]

[Maksimum : 2 markah]

**Dalam keseluruhan cerpen:**

- i. Nilai belas kasihan

Contoh : Kapten Mamat bersimpati terhadap nasib Masnah dan anak-anaknya.

[1+1]

ii. Nilai keberanian

Contoh : Isteri Kapten Mamat berani menegur suaminya supaya tidak meneruskan kata-katanya yang dapat menambah ketegangan Masnah

[1+1]

iii. Nilai kesabaran

Contoh : Kapten Mamat sabar memujuk dan menenangkan Masnah yang bersedih atas kehilangan Baharum

[1+1]

[Maksimum : 2

markah]

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik**

(i) Maksud rangkai kata *kecut perut*:

- berasa sangat takut / gerun / ngeri

[2 markah]

[Maksimum:2 markah ]

(ii) Perintah Tuan Puteri Dayang Seri Jawa kepada Si Kembang Cina:

- menyuruh memanggil budak hitam (Awang Sulung) untuk melawan lanun (bajak laut)
- memujuk Awang Sulung dengan bahasa yang lemah lembut
- memberikan limau selimpat pagar dan sabun wangi untuk Awang Sulung mandi

[2 isi cukup]

[Maksimum:3 markah ]

(iii) Alasan-alasan Awang Sulung mengatakan dia hanya layak penunggu reban dan penyapu rumah sahaja:

- dia berasakan dirinya tidak setaraf dengan kerabat diraja
- dia hanya menumpang teduh di dalam kapal
- dia bersikap merendah diri
- dia tidak mempunyai keyakinan diri kerana memiliki rupa paras yang tidak kacak

[2 isi cukup]

[Maksimum:3 markah ]

### **Soalan 2(d) : Sajak**

(i) Sebab-sebab penyajak suka berada di kota London:

- hujan rintik-rintik / gerimis di kota London
- pohon hijau dan aneka warna di sana tiada beza dengan di tempat lain

[Isi cukup : 2]

[Maksimum :2 markah ]

(ii) Usaha-usaha untuk memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat dunia:

- mengurangkan konflik keagamaan
- menjalinkan kerjasama ekonomi
- mengelakkan perperangan dan persengketaan
- menjalinkan kerjasama dalam bidang pendidikan
- menyertai kejohanan sukan bertaraf antarabangsa

[2 isi cukup]

[Maksimum: 3 markah]

**(Jawapan lain yang sesuai juga**

**diterima)**

(iii) Persoalan:

- tanggungjawab setiap manusia dalam mewujudkan keamanan dunia.
- halangan-halangan hubungan baik antara masyarakat dunia
- perkongsian sumber alam secara adil dan saksama
- semua manusia adalah sama walaupun berbeza warna kulit, agama, dan keturunan

[3 isi cukup]

[Maksimum: 4 markah]

### **Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah

### **(a) Morfologi**

- (i) media sosial
  - Para remaja diingatkan agar tidak menggunakan **media sosial** untuk perkara-perkara yang tidak bermanfaat.
- (ii) litar pintas
  - Kebakaran yang berlaku di rumah Pak Maun pada malam tadi berpunca daripada masalah **litar pintas**.
- (iii) masyarakat majmuk
  - **Masyarakat majmuk** di Malaysia dapat hidup aman dan harmoni kerana mereka mengamalkan sikap toleransi dan saling menghormati antara satu sama lain.
- (iv) derma kilat
  - Satu kutipan **derma kilat** telah dilancarkan bagi membantu mangsa banjir di Kelantan.
- (v) pakar bedah
  - Azila bercita-cita untuk menjadi seorang **pakar bedah** jantung setelah menamatkan pengajian kedoktorannya.
- (vi) bencana alam
  - **Bencana alam** yang berlaku pada hari ini adalah kerana sikap endah tak endah manusia terhadap alam sekitar.

[6 markah]

**(b) Membina Ayat Tanya**

- (i) *Bilakah* mereka memancing ikan?
- (ii) *Siapakah* bendahari PIBG di sekolah itu?
- (iii) *Mengapakah* murid itu dipuji?
- (iv) *Di manakah* pameran robotik itu akan diadakan?
- (v) *Apakah* alat yang digunakan untuk menuai padi?
- (vi) *Bagaimakah* rakyat negara kita dapat hidup harmoni?

[6 markah]

**(c) Kesalahan ejaan dan kesalahan imbuhan**Kesalahan ejaan:

- (i) catit - catat
- (ii) nenas - nanas
- (iii) jatidiri - jati diri

Kesalahan imbuhan:

- (i) perincian - terperinci
- (ii) menceburkan - menceburi
- (iii) mempercayai - kepercayaan

[6 markah]

**(d) Kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa**Kesalahan penggunaan kata:

- (i) merempuh - menempuh
- (ii) mengejut - mendadak
- (iii) dihebohkan - diumumkan

Kesalahan tatabahasa:

- (i) di - pada
- (ii) pendatang-pendatang - pendatang
- (iii) membincangkan tentang masalah - membincangkan masalah

[6 markah]

**(e) Peribahasa**

- (i) Bersatu teguh bercerai roboh
- (ii) Bagai melepaskan batok di tangga / hangat-hangat tahi ayam
- (iii) Masa itu emas

[2 markah]

[2 markah]

[2 markah]

#### **Soalan 4: Kajian Novel**

- (a) **Dua peristiwa yang dapat dikaitkan dengan persoalan ketabahan:**

##### **AZFA HANANI**

Dalam novel Azfa Hanani, terdapat banyak persoalan yang dipaparkan oleh pengarang. Antara persoalan tersebut ialah **persoalan ketabahan**.

Persoalan yang pertama ialah **ketabahan dalam menuntut ilmu pengetahuan**. Contohnya, Azfa Hanani sanggup ‘mencuri’ pinjam buku rujukan di perpustakaan untuk belajar. Dia juga sanggup berulang-alik dari rumahnya ke sekolah yang jauhnya 30 kilometer.

Selain itu, terdapat juga persoalan **ketabahan dalam menghadapi masalah**. Contohnya, Pak Long tidak mampu menanggung bayaran rawatan untuk anaknya yang lumpuh. Jadi, Azfa Hanani telah bersetuju untuk menyamar sebagai Tengku Murni untuk membiayai perbelanjaan rawatan sepupunya itu.

Akhir sekali, persoalan **ketabahan dalam menyelamatkan individu yang mengalami tekanan jiwa**. Contohnya, Azfa Hanani sanggup menyamar sebagai anak Datin Maziah, iaitu Tengku Murni yang telah meninggal dunia akibat kemalangan kerana wajahnya seiras dengan wajah Tengku Murni.

##### **KEMBARA AMIRA**

Dalam novel Kembara Amira, terdapat banyak persoalan yang dipaparkan oleh pengarang. Antara persoalan tersebut ialah persoalan ketabahan.

Persoalan yang pertama ialah **ketabahan dalam menjalinkan persahabatan**. Contohnya, Amira sanggup melayan kerenah kawan baiknya, Jacinta yang mengalami masalah dalam keluarganya. Jacinta juga teringin sangat untuk memiliki batu kuartz seperti yang dimiliki Amira.

Selain itu, terdapat persoalan **ketabahan dalam mencari gali khazanah di tapak arkeologi** di Bukit Mat Raya. Contohnya, banyak lubang yang telah digali, tetapi Amira tidak menjumpai apa-apa. Walaupun begitu, dia tetap meneruskan keja-kerja cari gali tersebut.

Akhir sekali, persoalan **ketabahan semasa menghadapi saat-saat kecemasan**. Contohnya, semasa Amira tergelincir ke dalam sungai. Dia telah dihanyutkan oleh arus. Dia telah berusaha untuk menyelamatkan diri.

- (b) **Satu pengajaran yang menggambarkan semangat kerjasama:**

Novel yang saya kaji ialah Azfa Hanani dan Kembara Amira. Kedua-dua novel memaparkan **pengajaran yang menggambarkan semangat kerjasama**.

Dalam novel Azfa Hanani, pengarang menggambarkan pengajaran **kita hendaklah bekerjasama dalam menganjurkan majlis**. Buktinya, pelajar-pelajar Tingkatan 5

menganjurkan Hari Sumbangsih. Hasil kerjasama semua pelajar, program tersebut berjaya dijalankan dengan lancar dan mereka berjaya mengumpul dana sebanyak RM 16,000.00.

Selain itu, **kita hendaklah bekerjasama membantu rakan**. Buktinya, Azfa Hanani bersedia menggantikan tempat Ellina sebagai Pengurus Forum kerana kesibukan Ellina menguruskan Malam Sumbangsih.

Pengajaran yang menggambarkan semangat kerjasama dalam novel Kembara Amira ialah **kita hendaklah bekerjasama secara berpasukan yang erat dalam menjalankan tugas**. Buktinya, Profesor Zaidah dan Dr. Zawawi bekerjasama dengan pelajar-pelajar menjalankan kajian arkeologi di Desa Karpus.

Selain itu, **kita hendaklah bekerjasama membantu orang yang memerlukan pertolongan**. Buktinya, Itai telah membantu menyelamatkan nyawa Amira yang hanyut dalam arus sungai yang deras manakala Tau pula telah membantu Jacinta yang sesat di dalam hutan.

**Jawapan-jawapan lain yang sesuai diterima.**

Disediakan oleh,

.....